

# Sayuran dan Ulaman Tradisional Orang Asli Jahai

Oleh Aweng Eh Rak • 8 November 2023, 14:20

A<sup>+</sup> A<sup>-</sup> A<sup>0</sup>

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram**

Langgan Sekarang

**T**aman Negeri Royal Belum ialah taman negeri yang dikelilingi oleh Tasik Temenggor dengan jumlah air sekitar 6,000 juta meter padu dengan luas kawasan permukaan air lebih kurang 152 km persegi. Taman Negeri Royal Belum merupakan taman pemuliharaan yang hanya menghadkan beberapa aktiviti sahaja, iaitu penyelidikan, aktiviti pemuliharaan dan pelancongan alam semula jadi.

Taman Negeri Royal Belum telah wujud sejak lebih kurang 130 juta tahun, bahkan lebih tua daripada hutan Amazon di Brazil. Luas keseluruhan kawasan Taman Negeri Royal Belum adalah kira-kira 290,000 hektar termasuklah beberapa kawasan perkampungan orang asli. Salah satu daripada perkampungan yang

